

30 SEP 1997

MIA SAMBUT BAIK KENYATAAN PM BERHUBUNG MODAL ASING

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Persatuan Pelabur-Pelabur Malaysia (MIA) hari ini menyambut baik jaminan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berkata di Santiago, Chile, bahawa kerajaan tidak akan memperkenalkan langkah-langkah untuk mengawal dagangan mata wang.

Dalam satu kenyataan, presiden persatuan itu, Dr PHS Lim berkata adalah satu tindakan yang baik bagi dasar luar jika mereka menghormati dana sejagat berdasarkan kepada pengaruh kewangan mereka.

Aliran "wang panas" atau aliran modal jangka pendek untuk membeli saham atau memperolehinya daripada perbezaan kadar faedah boleh membantu meningkatkan nilai pertukaran ringgit dan harga saham, katanya.

Walaupun pelabur asing "boleh membuat wang daripada kita" Lim berkata ketiadaan wang daripada mereka akan menghalang pelabur Malaysia daripada memperolehi satu sumber sokongan harga saham.

"Malahan pasaran saham AS juga memerlukan wang asing," kata Lim. --  
BERNAMA

AD ZK